



TEKS UCAPAN

YB DATO' SRI REEZAL MERICAN NAINA MERICAN

MENTERI BELIA DAN SUKAN

SEMPENA

MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG (APC)

TAHUN 2020

KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera

YBhg. Datuk M Noor Azman bin Taib, Ketua Setiausaha Kementerian Belia dan Sukan,

YBrs. Puan Ramona binti Mohd Razali, Timbalan Ketua Setiausaha (Strategik),

YBrs. Tuan Abdullah bin Hasan, Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)

Ketua-Ketua Jabatan / Bahagian dan Agensi,

Penerima APC 2020 yang diraikan,

Tuan-Puan para hadirin dan hadirat yang dihormati,

1. Alhamdulillah, marilah kita bersama-sama melahirkan rasa kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya, kita dapat meraikan **Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) tahun 2020, Kementerian Belia dan Sukan (KBS) pada hari yang bermakna ini.**
2. Menyusur garis masa sepanjang tempoh setahun lebih saya menerajui KBS – barangkali inilah pertemuan “bersemuka” paling ramai, yang pernah saya hadiri bersama Team KBS.

3. Jauh bezanya, antara kita bertemu secara bersemuka; berbanding bertemu secara “maya”. Pagi ini, seri wajah Team KBS yang berada di hadapan saya; meningkat seri berkali-kali ganda.
4. Izinkan saya memulakan ucapan dengan menyatakan setinggi penghargaan kepada semua warga KBS, kepada Team KBS seluruhnya – yang telah memberikan komitmen untuk membantu kepimpinan saya di KBS sepanjang tahun 2020 yang lalu.
5. Ucapan setinggi penghargaan pastinyalah ditujukan kepada teraju utama kepimpinan KBS – Ybhg Datuk M Noor Azman (KSU), Puan Ramona dan En Abdullah (TKSU); Dato’ Dr Wasitah; semua Ketua-Ketua Jabatan, Agensi, Bahagian dan Unit di bawah teraju kepimpinan KBS.
6. Iltizam kesungguhan, komitmen, kerjasama baik yang diberikan oleh semua Team KBS inilah; yang saya sifatkan menjadi “teras kekuatan” dan “kewibawaan” kita untuk memberi khidmat yang terbaik kepada rakyat dan pemegang taruh kita di luar sana.

TAHNAH KEPADA PENERIMA

7. Hari ini, pastinyalah memberi makna yang lebih mendalam dan istimewa. Penganugerahan APC 2020 ini; ruang untuk kita meraikan sebahagian daripada rakan-rakan Team KBS yang telah menunjukkan “prestasi” kerja dan pencapaian yang tinggi sepanjang tahun 2020 lalu.

8. Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada semua **410 orang penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) pada tahun 2020** yang diraikan pada hari ini. Semoga dengan pengiktirafan ini, ia akan menyuntik semangat dan mencetus inspirasi kepada semua warga KBS untuk berkhidmat dengan lebih cemerlang.
9. Sebagai tanda penghargaan, selain pemberian **Sijil Perkhidmatan Cemerlang**; saya dimaklumkan ada juga **diberikan insentif sebanyak RM1,000 kepada semua penerima.**
10. Saya wajar menyatakan kekaguman saya, berkait **iltizam dan komitmen tinggi yang ditampikan oleh semua penerima APC2020**. Dalam suasana yang serba mencabar, keperluan menyesuaikan diri dengan "kerangka kerja berteras kelaziman baharu"; sikap positif, disiplin kerja dan budaya kecemerlangan yang ditunjukkan; cukup luar biasa.
11. Sikap positif, disiplin dan budaya kerja cemerlang ini sebenarnya wajar menjadi "tamsilan" atau "role model" kepada semua kakitangan yang lain. Kesiediaan untuk melakukan penajajaran dan penyesuaian cara kerja, kepantasan melakukan adaptasi dengan perubahan; sememangnya wajar diberikan pengiktirafan. Tahniah!

TAHUN 2020: TAHUN PALING MENCABAR

Tuan-Puan yang dihormati sekalian,

12. Kita semua wajar mengakui, tahun 2020 bukanlah tahun yang mudah untuk kita semua lalui. Selalu juga saya ungkapkan, dengan cabaran pandemik COVID-19 yang bersifat “*unprecedented*”; tidak ada model rujukan untuk kita sebagai kerajaan, dapat mengadaptasi dan lakukan simulasi.
13. Kerajaan tidak punya banyak pilihan. Kita perlu bergerak pantas; dan membuat keputusan yang tangkas. Kerajaan tidak punya banyak masa untuk menunggu. “*We need to move fast, have no regrets. The greatest error is not to move. Speed trumps perfection*”.
14. Alhamdulillah, saya yakin kerajaan telah mengambil keputusan dan tindakan yang tepat untuk menangani cabaran COVID-19.
15. Teras kekuatan paling penting kepada kemampuan kita menangani COVID-19 ini; saya sifatkan terletak kepada kesungguhan “kakitangan awam dan anggota kerajaan”. Memang benar, perhatian tertumpu kepada sumbangan “frontliners” dan mereka yang terlibat secara langsung dalam sektor kesihatan dan keselamatan.
16. Namun ini tidak sama sekali mengeneipkan, tidak sama sekali meminggirkan; “sumbangan, kesungguhan, komitmen, disiplin kerja yang tinggi” kakitangan awam lain; TERUTAMANYA, mereka yang berada di hadapan saya pada pagi ini. Tahniah dan setinggi penghargaan di atas kesungguhan yang ditampilkan.

FASA “REFORM” DALAM MENDEPANI COVID-19

Tuan-Puan yang dihormati sekalian,

17. Di ruang yang ada ini, kita wajar melihat kembali kepada “**Strategi 6R**” dalam mengatasi cabaran COVID-19 yang pernah disebut oleh YAB Perdana Menteri. Ia merangkumi fasa **ketegasan (Resolve); ketahanan (Resilient); memulakan semula (Restart); pemulihan (Recovery); memperkasa (Revitalise); dan menyusun semula (Reform)**.
18. Hari ini, kita sedang berada dalam **fasa penyusunan semula (reform)**. Saya kira, bersesuaian dengan namanya– kita semua perlu **memastikan inisiatif dan pelan strategik kita yang bermula tahun 2021 ini; memenuhi prinsip dan kerangka “reform” yang diinginkan oleh YAB Perdana Menteri.**
19. Keseluruhan objektif teras **Program Strategik Memperkasa Rakyat dan Ekonomi (PEMERKASA)** perlu kita hadam dengan sempurna. Lima objektif PEMERKASA - **mengawal penularan COVID-19, memacu pemulihan ekonomi, memperkukuh daya saing negara, memastikan agenda keterangkuman wilayah dan masyarakat serta mentransformasi ekonomi.**
20. Seboleh mungkin, KBS perlu melakukan “**pemetaan menyeluruh (comprehensive-mapping)**” strategi Kementerian untuk tahun 2021; berasaskan objektif **PEMERKASA** ini. **Sebagai contoh; kesungguhan kita memastikan pembukaan sektor sukan dan rekreasi – pada hakikatnya; mengisi objektif “pemulihan ekonomi”.**

Keselarian ini; akan menjadikan strategi kerajaan lebih berkesan dan tuntas.

21. Dalam masa yang sama, kesungguhan kita meneruskan pelaksanaan **Skim Perantisan Nasional, single-landing page, sistem MyBelia, MyGIG, MyFuture Agro, MyPreneur** – kesemuanya atas niat memperkukuh daya saing warga belia dan negara.

TEMA MAJLIS APC 2020 KBS “PLAN(T) YOUR CAREER”

YBhg. Datuk / Dato’ / Dr. / Tuan-tuan dan Puan-puan hadirin sekalian,

22. Saya difahamkan bahawa tema majlis pada kali ini ialah “**PLAN(T) YOUR CAREER**”. Ia kesinambungan dari Kursus Kepegawaian Kementerian Belia dan Sukan (KKKBS) Tahun 2021 anjuran Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, KBS. Inisiatif ini dipilih di mana seluruh warga Kementerian digalakkan untuk menanam anak pokok di halaman rumah / pejabat sebagai tanda sokongan kepada peserta kursus.

23. Tema “**PLAN(T) YOUR CAREER**” ini mempunyai makna yang cukup mendalam. Jika kita mengimpikan kejayaan; ia wajar bermula dengan “perancangan awal” kita untuk membudaya nilai kecemerlangan. Membangun dan membina potensi diri yang luar biasa.

“People are successful because they think and act like successful people.” Prinsip “*mental conditioning*” ini bukan sahaja perlu dimiliki para atlet dan jaguh dunia. Kita semua, wajar juga memilikinya.

24. Dari sudut perspektif Islam, hala tuju untuk mencapai kecemerlangan ini biasanya digandingkan dua ciri yang penting. Dalam Islam, konsep amanah dan integriti tidak berdiri dengan sendiri. Ia disusuli dengan prasyarat lain iaitu konsep “itqan” (bekerja dengan bersungguh-sungguh).

25. Rasulullah SAW juga sangat **menekankan sifat amanah dan itqan dalam bekerja**. Kedua-dua sifat tersebut ialah sifat yang disukai dan dicintai oleh Allah SWT. Dalam satu hadith, Rasulullah SAW bersabda:-

إِنَّ اللَّهَ عَزَّ وَجَلَّ يُحِبُّ إِذَا عَمِلَ أَحَدُكُمْ عَمَلًا أَنْ يُتَّقِنَهُ

“Sesungguhnya Allah SWT mencintai seseorang yang apabila dia mengerjakan sesuatu pekerjaan, dia melakukan dengan itqan (bersungguh-sungguh).”

26. Saya teringat pepatah Cina menyebut – **“...jika anda merancang untuk setahun maka semailah padi; jika untuk sedekad; tanamlah pohon, tapi jika untuk seumur hidup, maka didiklah manusia”**.

27. **“PLAN(T) YOUR CAREER”** ini pada saya tema yang sangat bertepatan; wajar dihayati dan difahami oleh semua Team KBS.

PENUTUP

28. Dalam ucapan **AMANAT 2021** yang lalu; saya ada menyebut bahawa tahun 2021 akan menjadi tahun yang sangat signifikan dan penting kepada KBS. Kita mempunyai banyak perancangan baru; seperti **Model Baharu Pembangunan Belia, MYVAC, Visi Sukan Negara**

2030, Blueprint Industri Sukan, Pelan Tindakan Wanita Dalam Sukan, Pendigitalan ILKBS dan banyak lagi ikhtiar yang baru.

29. Semua ikhtiar dan usaha ini, memerlukan sokongan penuh dan tidak berbelah bahagi Team KBS secara keseluruhannya. Saya berharap penerima APC 2020 boleh menjadi “**kumpulan pemangkin kecemerlangan**” (*agent of excellence*) kepada semua warga KBS. Penganugerahan APC pagi ini tidak boleh berakhir begitu sahaja.

30. Ia mesti mempunyai kesan pengganda (*multiplier effect*) kepada rakan-rakan kakitangan yang lain.

31. Akhir sekali, saya mengucapkan **sekalung penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Bahagian Pengurusan Sumber Manusia** Kementerian, Jabatan dan Agensi serta seluruh jawatankuasa yang terlibat bagi pelaksanaan penganugerahan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) Tahun 2020 ini.

32. Untuk kakitangan yang beragama Islam – saya dan keluarga ingin mengucapkan “Selamat Menjalani Ibadah Puasa” sepanjang bulan Ramadan al-Mubarak. Moga setiap seorang daripada kita; dikurniakan kesihatan yang baik, diberikan kesungguhan dan istiqamah untuk menjalani madrasah ramadan dengan sebaik yang mungkin.

Wabillahi Taufik Wal Hidayah; Wassalamualaikum Wrt Wbt.